

Catat GDV RM4 bilion

Kuala Lumpur: KSK Group Bhd menjangkakan projek pertamanya iaitu 8 Conlay di Jalan Conlay akan mencatatkan nilai pembangunan kasar (GDV) mencecah RM4 bilion.

Pengarah Urusan KSK Land Sdn Bhd, Joanne Kua berkata, pihaknya sedang menunggu kelulusan arahan pembangunan (DO) daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan akan mula membuka tender pada suku pertama 2015.

“Projek 8 Conlay ini menampilkan konsep mewah dengan rekaan bertaraf dunia serta kemasan dan hiasan dalaman yang akan dilakukan oleh pereka terkemuka,” katanya selepas taklimat media mengenai projek 8 Conlay, semalam.

Menurutnya, projek berkenaan dibina di tapak berkeluasan 1.6 hektar dan dilaksanakan oleh anak syarikatnya KSK Land Sdn Bhd, bakal menampilkan tiga menara dan podium perniagaan berkeluasan 200,000 kaki persegi.

Ia juga merangkumi tiga menara

dengan menara pertama setinggi 60 tingkat menempatkan hotel bertaraf lima bintang dan apartmen servis.

Dua menara lagi masing-masing setinggi 50 dan 55 tingkat akan menempatkan kondominium mewah.

“Untuk hotel lima bintang itu, kami sedang berbincang dengan beberapa pihak yang berminat untuk membawa jenama hotel yang belum beroperasi di Malaysia,” katanya.

Pembinaan projek 8 Conlay ini dijangka bermula pada akhir tahun ini dan fasa pertama apartmen servis dijadual dilancar pada suku pertama 2015.

Keseluruhan projek dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun.

Dalam pada itu, menurut Joanne pihaknya juga sedang mengintai peluang untuk membeli lebih banyak tanah di Pulau Pinang dan Lembah Klang serta di luar negara seperti London.